



SIARAN AKHBAR

Untuk siaran segera

DERUMAN ENJIN KEJOHANAN RALI ASIA PASIFIK RALI MALAYSIA ANCOM 2009 BERMULA!

14 Ogos, Johor Bahru – 28 buah kereta akan dilepaskan oleh **Tuanku Putra Mahkota Johor Tunku Ibrahim Ismail ibni Sultan Mahmud Iskandar Al-Haj** pada pembukaan rasmi KEJOHANAN RALI ASIA PASIFIK (APRC) Rali Malaysia ANCOM (MR9). Terdapat 6 kereta yang bertanding bagi MR9 dan 22 buah kereta bagi pusingan ketiga Kejohanan Rali Malaysia (MRC) yang dijalankan serentak.

Tahun ini orang ramai akan menyaksikan deruman enjin rali di ladang kelapa sawit Kota Tinggi, Johor. Kesemua pencabar APRC dan MRC akan mencuba untuk menghabiskan 16 pusingan sepanjang 227.07km pada hujung minggu ini. Pusingan terpanjang adalah 24.46km dan yang terpendek adalah 3.09km.

Cody Crocker daripada Motor Image Racing Team, yang merupakan juara bertahan APRC dan juga pendahulu dengan pungutan mata tertinggi akan memulakan persaingan di Pusingan (stages) pada pagi esok (Sabtu). Pusingan ini digambarkan sebagai amat mencabar dan dikatakan antara yang paling getir buat pencabar APRC tahun ini.

Crocker diikuti rapat oleh pemandu Jepun, Katsu Taguchi daripada pasukan MRF Tyres dan dibelakangnya adalah Emma Gilmour daripada New Zealand dan juga rakan pasukan Crocker. Taguchi dan Gilmour berada di tempat kedua dan ketiga pada pusingan ini.

Pada sidang media yang diadakan awal hari ini, Crocker berkata bahawa Pusingan yang dilalui adalah amat mencabar tetapi dia dan pemandu kedua Ben Atkinson akan mencuba sebaik mungkin untuk menang.

“Pusingan ini adalah amat baru bagi kami tahun ini dan terdapat jalan-jalan yang sangat teknikal. Kami telah menghabiskan waktu yang agak banyak pada kali ini untuk memeriksa nota kami semata-mata untuk memastikan yang semuanya ok tetapi jika ia hujan ia seperti memenangi loteri pada pemandu yang menang. Jika kami menang, segala kerja keras adalah berbaloi,” tambah Crocker.

Taguchi mengulangi komen Crocker mengenai keadaan trek yang agak teknikal berbanding tahun lepas kerana jalan yang sempit dan mencabar.

“Kami tiada pilihan tetapi untuk memandu laju pada hujung minggu ini kerana kami perlu menang untuk mengalahkan Cody dalam APRC,” kata Taguchi. “Pilihan tayar adalah amat penting jika ia hujan,” tambahya lagi.

Emma Gilmour yang pertama kali bertanding di Malaysia berkata: “Tiada siapa yang mampu untuk membuat kesilapan di luar sana. Saya rasa lega kerana kami mengalami beberapa pusingan yang agak licin semasa “recce” kerana kini kami tahu bagaimana licinnya keadaan di luar sana.”

Jurupandu Gilmour untuk MR9 adalah Claire Mole daripada UK. Claire mengantikan Rhianon Smyth yang cedera teruk semasa kemalangan rali baru-baru ini. Apabila ditanya mengenai gandingan terbarunya, Gilmour berkata, "Ini merupakan acara pertama kami bersama buat suatu jangka masa yang agak lama dan ia mengambil masa untuk menjadi serasi, kami berjaya mencari keserasian itu dan kami menantikan perlumbaan hujung minggu ini.

Pencabar APRC yang lain adalah Gaurav Gill daripada India, Rifat Sungkar daripada Indonesia dan Karamjit Singh daripada Malaysia.

Karamjit akan bertanding menggunakan jentera Proton Satria Neo S2000 yang merupakan sebahagian pasukan Proton R3 Malaysia. Karamjit amat teruja untuk menyertai semula APRC selepas lima tahun merehatkan diri tetapi beliau tidak meletakkan harapan tinggi pada perlumbaan hujung minggu ini

"Kami tidak mendapat menghabiskan banyak masa dengan jentera ini, hanya 25 kilometer sahaja. Saya merasakan perlumbaan hujung minggu ini akan menjadi satu sesi memanaskan badan yang sangat bagus. Selain itu, kereta ini merupakan pemanduan sebelah kiri dan ini akan menjadi suatu liabiliti bagi saya," kata Karamjit.

Proton Satria Neo S2000 yang dipandu oleh Guy Wilks, juara dua kali Rali British, mendapat tempat ke-empat dalam Intercontinental rally Challenge (IRC) di Rusia baru-baru ini. Pasukan Proton R3 Malaysia berharap untuk membaiki prestasi kereta dan teknologi dengan meletakkan jentera ini dalam keadaan yang ekstrem seperti sukan permotoran.

MR9 merupakan pusingan ketujuh APRC. Dua pusingan terakhir akan diadakan di Indonesia (3-4 Oktober) dan China (14-15 November).

PERTARUNGAN SENGIT DALAM KEJOHANAN TEMPATAN

Dengan ketiadaan Karamjit dan Jagdev yang memandu dalam APRC, dijangka akan berlaku pertarungan sengit bagi tempat kedua bagi pencabar MRC bagi kategori 4WD.

Terdapat lapan pemandu dalam persaingan termasuklah Gunaseelan Rajoo dan Lohit Urss (India) daripada GSR Pennzoil Racing Team, Saladin Mazlan dan Rozali Abdullah daripada Felda Rally Team, Arjun Rao (India) dan Muhammad Rafiq.

Bagi kategori 2WD, 'Mike' Ariokiasamy Ratnam dan Jamaluddin Tukimin bakal memberikan saingan getir.

Acara rasmi penyampaian hadiah akan diadakan di the ZON Hotel, Johor Bahru pada Ahad, 16 Ogos pada pukul 3 petang.

Semua data boleh didapati di www.malaysianrally.com. Bagi mata kejohanan dan profil pemandu APRC sila layari www.fiaaprc.com

###

Untuk maklumat lanjut mengenai siaran akhbar ini, sila hubungi:

Diane Barton, Media Director MR9

M: +6017 286 2208

Email: diane@pdq.com.my